

Pintar: SMK Kuala Balah pilihan MAS

JELI 31 Jan. - Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Balah di sini ternyata bertuah apabila Penerbangan Malaysia (MAS) memilih sekolah berkenaan bagi menjayakan projek Pintar yang diperluaskan ke Pantai Timur.

Projek ini adalah salah satu inisiatif yang diwujudkan dari Rancangan Transformasi Untuk Syarikat Milik Kerajaan (GLC) dengan mentakrifkan semula program sekolah angkat.

Ia sejajar dengan seruan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Bajet 2006 mengenai rakan kongsi awamswasta untuk pembangunan yang berterusan di mana MAS merupakan GLC pertama yang memberikan komitmen menjayakannya.

Pelancaran projek kedua di Pantai Timur selepas Sekolah Menengah Ibrahim Fikri di Terengganu minggu lepas disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed di SMK Kuala Balah kelmarin.

Turut hadir Pengerusi MAS, Datuk Dr. Munir Abdul Majid.

Dr. Munir ketika berucap pada majlis berkata, sumbangan MAS melalui bidang pendidikan bagi memberi peluang seluas-luasnya kepada anggota masyarakat menimba ilmu dan kemahiran serta mengukuhkan jati diri ke arah membangunkan modal insan.

"Melalui komitmen ini, kami akan membantu pelajar dan memberikan apa sahaja sokongan diperlukan bagi meningkatkan motivasi untuk mereka belajar dalam suasana yang kondusif.

"Saya berpendapat, usaha ini selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi yang diterajui oleh Datuk Mustapa sendiri," jelasnya.